LAI YEE WAI

lwn.

SEONG WOH LOONG KEE (DAKWAAN KE ATAS FIRMA)

MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H.
[GUAMAN SIVIL NO. 22-114-1990]
15 JULAI 1993

AMALAN DAN PROSEDUR: Ikatan dokumen yang dipersetujui - Bahan rujukan dalam perbicaraan sebagai keterangan - Nota Amalan No. 1/69, 3/70, 1/77, 2/77, 4/77.

PERKONGSIAN: Gagal beri jawapan pasti - Tidak bertindak dengan usaha wajar - Kecuaian menguatkuasakan hak.

Plaintif telah pada 13 Mei 1980 memaklumkan kepada defendan yang beliau tidak ingin menjadi rakan kongsi dan bertanyakan nilai syernya. Defendan telah pada 12 Ogos 1980 memberitahu plaintif nilai sama perkongsian sebanyak RM30,223.30 dan bertanyakan bagaimana si plaintif ingin bayaran jumlah tersebut dibuat. Plaintif tidak menjawab tetapi meminta penyataan akaun pada 20 Ogos 1980.

Defendan pada 7 Jun 1983 memajukan penyataan akaun bagi 1980 dan 1981 berserta cek bernilai RM3,000 bagi pengagihan keuntungan 1978 dan 1979.

Pada 30 Ogos 1983, plaintif memaklumkan ingin menjual syernya dan ingin aset perkongsian dinilai oleh penilai berkelulusan. Pada 14 September 1983 plaintif menuntut:

Permohonan pertama: RM31,082.03 memandangkan keuntungan dari 1 Januari 1972 ke 31 Disember 1979 yang masih belum diagihkan berjumlah RM230,934.91.

Permohonan kedua: Perisytiharan bahawa plaintif mengundur diri dari perkongsian firma.

Permohonan ketiga: Perintah perlantikan penilai.

Diputuskan:

[1] Jumlah yang patut diterima oleh plaintif adalah RM 30,223.30 dan bukan RM 31,082.03 disebabkan plaintif gagal memberikan jawapan pasti apabila tawaran dibuat pada 12 Ogos 1980 sehingga 16 Januari 1991 lalu telah menidakkan haknya untuk menuntut.

[2] Permohonan-permohonan kedua dan ketiga dibenarkan.

[3] Dokumen-dokumen dalam ikatan dokumen yang dipersetujui yang telah dibaca atau telah dirujuk dalam perbicaraan sahaja boleh diterima sebagai keterangan.

[Permohonan pertama ditolak. Permohonan-permohonan kedua dan ketiga dibenarkan].

Kes yang dirujuk:
Chong Khee Sang lwn. Pang Ah Chee [1984] 1 MLJ 377 ***(dirujuk)***

Akta yang dirujuk:
Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung 1957, A. 30 k. 1, A. 31 kk. 1, 2, 4, 8, 11, 13, A. 32
Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A.77 k.1

Sumber-sumber lain dirujuk:
Atkin's Court Forms , Edisi kedua, 18 m.s. 284
Halsbury's Laws of England, Edisi kempat, Vol. 16, perenggan 1471
Odgers on High Court Pleading and Practice, Edisi 23 (1991)

Bagi pihak plaintif - Lee Hock Beng; T/n. Siva Segara & H.B. Lee
Bagi pihak defendan - Wong Seng Chow; T/n. Wong Seng Chow, Nagarajah & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:
Dalam kes ini si plaintif melalui pernyataan Tututannya bertarikh 6 Ogos 1990 telah memohon:

(1) Jumlah wang sebanyak RM31,082.03 berserta faedah dan kadar bunga akan ditetapkan menurut pandangan Mahkamah sekiranya adil yang akan bermula dari 14 September 1982.

(2) Perisytiharan bahawa plaintif telah mengundurkan diri dari perkongsian firma defendan di mana sejumlah hutang yang harus dibayar kepada pihak plaintif adalah berdasarkan syer plaintif iaitu sebanyak 3/22 daripada modal dan keuntungan perkongsian.

(3) Perintah Mahkamah untuk syer plaintif dinilaikan sehingga 22 Jun 1990.

(4) Untuk mencapai tujuan permohonan B(2) dan (3) di atas satu perintah bahawa:

(a) semua keperluan akaun dan segala siasatan haruslah diambil dan dibuat;

(b) perintah untuk menjual harta dan nama baik pihak defendan;

(c) perisytiharan bahawa baki daripada hasil jualan selepas pembayaran pembelian mestilah dibahagikan di antara rakan kongsi dan 3/22 per sen itu mestilah dibayar kepada plaintif;

Pada permulaannya biarlah membincangkan dahulu perintah ikatan dokumen yang dipersetujui (Agreed Bundle of Documents) dan kedudukannya dalam sesuatu perbicaraan sivil. Berkaitan dengan Nota-nota Amalan yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah dari masa kesemasa dalam mengawal prosidur perbicaraan dimahkamah, adalah kena pada tempatnya bagi saya memetik hanya alasan penghakiman Shankar H. dalam kes *Chong Khee Sang lwn. Pang Ah Chee* [1984] 1 MLJ 377 pada halaman 382 - 383 mengenai ikatan yang dipersetujui di mana beliau berkata:

> This particular point seems to have caused a great deal of trouble to practitioners. It may be useful therefore to include in his judgment a reference to the various Practice Notes which have from time to time been issued by the Registrar of the High Court in Malaya. Practice Note No. 1 of 1969 provided for an agreed bundle of documents and an agreed statement of facts to be filed in running down cases and listed the minimal requirements of each. After the Rules of the Supreme Court 1957 came into force another Practice Note No. 3 of 1970 was issued requiring an agreed bundle of documents and a statement of agreed facts to be filed. This particular Practice Note referred to RSC O. 32 and qualified the decision of Sharma J. earlier referred to. It would appear to bear emphasis that this particular Practice Note also seems to have been made applicable to the Sessions Court and since it does not appear to have been repealed it applied to the conduct of the present action. An amendment to Practice Note 3 of 1970 was made by Practice Note 1 of 1977. In addition to an agreed bundle of documents a bundle of documents not agreed was also required to be filed.
>
> Then followed Practice Note 2 of 1977 issued on 8 February 1977. Detailed instructions were given in this note with close reference to O. 30 r. 1, O. 31 r. 13, and rr. 1, 2, 4 ,8 and 11.
>
> To clarify the position the note expressly states:
>
> It will make for willing compliance if solicitors and counsels consider or realise that agreeing on documents implies merely dispensation with proof of their existence or execution and does not dispense with proof of the averments or allegations therein, unless agreed to on the pleadings or in other admissions.
>
> A further Practice Note 4 of 1977 was also issued which appears to have done away with the necessity of filing a bundle of documents not agreed.
>
> All these practice notes designed to protect counsel in the preparation of cases and to save time and expense of all concerned, have over the years undoubteldy been honoured more in their breach rather in their observance.

Dapat diperhatikan di atas menurut Nota Amalan No. 2/77 bahawa persetujuan mengenai dokumen-dokumen yang dikemukakan menandakan semata-mata pengecualian daripada membuktikan kewujudan atau penyempurnaan sesuatu dokumen itu dan ianya tidaklah mengetepikan syarat membuktikan sesuatu penegasan atau pengataan didalamnya melainkan telah dipersetujui dalam pliding atau dalam pengakuan yang lain.

Jadinya disini saya berpendapat bahawa surat-surat yang terkandung di dalam ikatan dokumen yang dipersetujui itu bukanlah bersifat sesuatu penegasan atau pengataan yang boleh diterima sebagai suatu keterangan di dalam kes ini melainkan surat-surat tersebut telah betul-betul dibaca atau dirujuk pada masa perbicaraan. Pendapat saya ini diperkuatkan lagi oleh penulis buku **Odgers on High Court Pleading and Practice,** Edisi 23 (1991) pada Appendix 2 halaman 530 yang mengatakan:

> if the correspondence is voluminous it will be necessary to have an agreed bundle for the use of the Judge, the paging of which should be identical with that of the bundles of Counsel on both sides. In default of a special agreement only such letters in the bundle as are actually read at the trial will be taken to be in evidence and agreeing a bundle does not constitute an admission that all the letters contained in it are admissible in evidence.

Sungguhpun penulis buku diatas menyatakan bahawa "only such letters in the bundle as are actually read at the trial will be taken to be in evidence", saya berpandangan jikalau surat-surat itu hanya dirujuk dengan menerangkan isi kandungannya dalam sesuatu perbicaraan tanpa betul-betul dibaca pun boleh diterima sebagai suatu keterangan oleh kerana di dalam sesuatu perbicaraan sesuatu pihak boleh memeriksa-balas mengenai surat-surat itu dan

menafikan isi kandungannya. Sekiranya tiada pemeriksaan-balas atau bantahan sedemikian terhadap rujukan dan penerangan di mahkamah itu, maka saya berpandangan bahawa surat-surat yang terkandung di dalam ikatan yang dipersetujui itu bolehlah diterima dan dijadikan keterangan dalam perbicaraan tersebut.

Jadinya dalam kes ini saya memutuskan bahawa surat-surat dalam ikatan dokumen yang dipersetujui yang telah dibaca ataupun yang telah dirujukan dengan menerangkan atau menjelaskan isi kandungannya di dalam perbicaraan ini sahaja yang boleh diterima sebagai keterangan.

Pada 13 Mei 1980 si plaintif telah menulis surat melalui peguamnya kepada si defendan memaklumkan bahawa beliau tidak ingin menjadi rakan kongsi lagi dan bertanyakan nilai syernya di dalam perkongsian tersebut. Si defendan telah membalas surat tersebut melalui peguamnya pada 30 Mei 1980 sambil menarik perhatian si plaintif tentang fasal 9 Perjanjian Perkongsian dan pada 12 Ogos 1980 dengan memaklumkan kepada si plaintif bahawa nilai syernya sebanyak 3/22 syer menurut fasal 9 Perjanjian perkongsian berdasarkan 80% daripada nilai dana perkongsian adalah RM30,223.30 sen. Surat bertarikh 12 Ogos 1980 dijadikan barang kes dan ditandai ABD2 and ABD2 juga bertanyakan bagaimana si plaintif ingin bayaran RM30,223.30 itu dibuat. Akan tetapi si plaintif tidak memberikan apa-apa jawapan mengenai ABD2 sebaliknya dalam suratnya melalui peguam bertarikh 20 Ogos 1980 beliau telah meminta dibekalkan dengan suatu penyataan akaun "since the partnership was formed".

Kemudian setelah beberapa surat diantaranya bertarikh 18 April 1983 dan 25 April 1983 dikirimkan si defendan melalui surat peguamnya bertarikh 7 Jun 1983 telah memajukan kepada si plaintif penyataan akaun bagi tahun 1980 dan 1981 berserta sekeping cek bernilai RM3000 bagi pengagihan keuntungan bagi tahun 1978 dan 1979 sambil meminta si plaintif menggubal suatu perjanjian baru untuk diedarkan kepada kesemua perkongsi lain untuk kelulusan mereka.

Pada 30 Ogos 1983 si plaintif telah menulis melalui peguamnya kepada si defendan memaklumkan bahawa beliau ingin menjualkan 3/22 syernya kepada perkongsian yang tinggal dan ingin aset perkongsian dinilai oleh seorang penilai yang berkelulusan dengan dikuti oleh satu surat peguam lagi bertarikh 14 September 1983 yang diantara lain berbunyi:

> From the Statement of Account furnished to my client by M/s. Shearn Delamore & Co., I have noted that the balance share of undistributed profits from 1 January 1972 to 31 December 1979 is RM230,934.91 and my clients share 3/22 amounts to RM31,082.03. I enclose herewith a photostat copy of the said statement for your easy reference.
>
> As my client had not been paid his share of the profits, my instruction are to demand, which I hereby do, the payment of the sum of RM31,083.03.

Daripada surat di atas adalah jelas bahawa si plaintif bersetuju bahawa jumlah keuntungan yang tidak diagihkan adalah RM230,934.91 sen seperti dalam ABD2 akan tetapi beliau membisu apabila bahagian keuntungannya sebanyak RM30,223.30 sen iaitu 3/22 syer menurut fasal 9 Perjanjian Perkongsian ditawarkan kepadanya melalui ABD2 pada 12 Ogos 1980.

Daripada fakta yang telah dibentangkan di atas adalah jelas bahawa si plaintif:

(i) menerima bahawa keuntungan defendan yang tidak diagihkan adalah berjumlah RM230.934.91 sen;
(ii) mengaku bahawa jumlah syernya dalam defendan adalah 3/22;
(iii) menyedari peruntukan fasal 9 Perjanjian Perkongsian;

Oleh hal yang demikian saya berpandangan bahawa keuntungan yang patut diterima oleh si plaintif adalah RM30,223.30 sen iaitu 80% daripada nilai dana perkongsian tersebut dan bukannya RM31,082.03 seperti yang dituntut oleh si plaintif di dalam Pernyataan Tuntutannya. Oleh kerana si plaintif telah membisu apabila tawaran telah dibuat melalui ABD2 apabila beliau ingin menarik diri daripada menjadi rakan kongsi defendan tanpa memberitahu apa-apa jawapan sehinggalah beliau memfailkan tuntutannya pada 16 Januari 1991 maka saya berpendapat bahawa si plaintif telah tidak bertindak dengan usaha wajar (due diligence) iaitu seseorang yang memohon sebarang bentuk relief ekuiti hendaklah bertindak dengan segera "*vigilantibus non dormientibus jura subveniunt*" dan bukannya menanti sampai hampir 11 tahun iaitu pada 12 Ogos 1980. Si defendan bersedia membayar

keuntungan bagi syernya 3/22 menurut fasal 9 Perjanjian Perkongsian dan pada 16 Januari 1991 si plaintif memfailkan Pernyataan Tuntutan menuntut keuntungan bagi syernya 3/22.

Dapat diperhatikan disini bahawa si plaintif melalui kelakuannya yang boleh dianggap sama seperti "waiver" telah menempatkan si defendan dalam suatu keadaan di mana adalah tidak munasabah menempatkan si plaintif di mana beliau boleh menuntut remedi tersebut kemudian hari. Ini adalah disebabkan "waiver presupposes that the person to be bound is fully cognisant of his rights and being so, neglects to enforce them". (Lihat Atkin's Court Forms Edisi kedua 18, muka surat 284). Dalam kes ini si plaintif mengetahui haknya mengenai keuntungan tersebut sejauh bulan Mei 1980. (Lihat surat bertarikh 13 Mei 1980 pada muka surat 8 ABD1) akan tetapi telah cuai untuk menguatkuasakan haknya sehinggalah pemfailan guaman sivilnya nombor 22-114-90 bertarikh 16 Jun 1991.

Dalam pada itu pada 12 Oktober 1983 si plaintif telah ditawarkan 2/22 syer pegangan Fong Peng Yew dan Fong Weeng Loon dengan jumlah harga RM30,000 dan pada 19 November 1983 si plaintif telah ditanyai sama ada beliau ingin menjual 3/22 syernya dengan nilai harga RM15,000 satu syer iaitu sama dengan nilai syer Fong Peng Yew dan Fong Weng Loon tadi.

Adalah jelas daripada fakta di atas bahawa kedua-dua tawaran si plaintif untuk menjualkan 3/22 syernya telah disambut oleh si defendan. (Lihat ABD2 dan surat bertarikh 19 November 1983 muka surat 22 dalam Ikatan Dokumen yang dipersetujui) dan permohonan si plaintif untuk menyatakan akaun bagi tahun 1982, 1983 dan 1984. (Lihat muka surat 25 ABD1) telah dipenuhi pada 5 Ogos 1985. (Lihat muka surat 26 ABD1) dan pada 24 Ogos 1990 si defendan telah mengirimkan penyata akaun sehingga tahun 1987. (Sila lihat muka surat 37 ABD1).

Dan pada 22 Jun 1990 si plaintif telah mengulangi niatnya hendak menarik diri daripada perkongsian dan pada waktu yang sama menuntut keuntungan yang tidak diagihkan yang dikatakan bahagiannya berjumlah RM31,082.03 sen. (Lihat muka surat 34 ABD1).

Ada dua perkara yang ingin saya sentuh lagi di sini sebelum saya memutuskan kes ini. Saya berpendapat fasal 8 Perjanjian Perkongsian tidak terpakai oleh kerana sebarang persaraan atau kematian rakan kongsi tidak membubarkan perkongsian tersebut kerana sesebuah perkongsian boleh mendakwa atau didakwa atas nama firma (A. 77 k. 1 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980).

Dalam kes ini telah dihujahkan oleh pihak plaintif bahawa pihak defendan tidak ada merayui (pleaded) pembelaan ekuiti - "laches, acquiscence and delay" akan tetapi merayui pembelaan ekuiti "waiver" sahaja dan "waiver" adalah berbeza daripada "laches, acquiscence and delay". Saya bersetuju dengan pihak plaintif bahawa pihak defendan tidak ada merayui dengan khususnya pembelaan ekuiti - "laches, acquiscence and delay" dan perenggan 6 Pernyataan Pembelaannya berbunyi:

> ... In the premises, the plaintiff by his conduct waived his right (if any which is denied) to claim the alleged or any relief against the defendant and it is inequitble and unjust to grant the plaintiff the alleged or any relief.

Adalah jelas di sini bahawa pihak defendan telah menimbulkan pembelaan ekuiti - "waiver" dan "waiver" bermakna

> the abandonment of a right in such a way that the other party is entitled to plead the abandonment by way of confession and avoidance if the right is thereafter asserted and is either express or implied from conduct.

(Lihat **Halsbury's Laws of England,** 4th Edition Vol. 16 perenggan 1471). Dan "waiver" mestilah suatu perbuatan yang disengajakan dengan berpengetahuan dan dimana ianya tidak dinyatakan ianya bolehlah dibayangkan daripada kelakuan yang tidak konsistent dengan penerusan hak tersebut. Di sini tindak-tanduk si plaintif dengan sekejap membisu dan sekejap membangkitkan haknya dan kemudian membisu semula sambil cuai menguatkuasakan haknya itu dalam jangka masa 11 tahun sungguhpun beliau mengetahui haknya itu sejak dari mula lagi bolehlah dianggap beliau telah menghentikan atau meninggalkan haknya itu dengan penuh kesedaran. Tambahan pula beliau telah menerima keuntungan perkongsian bagi tahun 1978 dan 1979 sebanyak RM3,000 pada 7 Jun 1983 tanpa sebarang bantahan. Kelakuan itu jelas menunjukkan bahawa beliau telah meninggalkan tuntutan keuntungan perkongsian bagi tahun 1971 hingga 1979 yang

dikatakannya berjumlah untuk bahagiannya sebanyak RM31,082.03 sen.

Seperti yang saya katakan terlebih dahulu tadi dari keadaan kes ini jelas bahawa si plaintif tidak bertindak dengan usaha wajar dan kerananya adalah tidak adil dan saksama untuk membenarkan tuntutannya oleh sebab kegagalannya untuk memberikan jawapan pasti sama ada menerima atau tidak tawaran bahagian syernya bernilai sebanyak RM30,222.30 sen atau RM15,000 bagi nilai satu syer telah menindakkan haknya untuk menuntut pada tarikh Pernyataan Tuntutannya bertarikh 6 Ogos 1990. Ini adalah sama seperti "waiver". Oleh hal yang demikian saya dengan ini penolak tuntutan si plaintif sejumlah RM31,682.03 terhadap si defendan. Berikutan dengan menolakan itu saya mengisytiharkan bahawa mulai 22 Jun 1990 si plaintif dianggap telah menarik diri daripada rakan kongsi defendan. Oleh itu saya memerintahkan bahawa syer plaintif sebanyak 3/22 syer dinilaikan sehingga 22 Jun 1990 menurut fasal 9 Perjanjian Perkongsian bertarikh 1 Julai 1972. Saya memerintahkan juga bahawa seorang penilai bebas yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak hendaklah dilantik untuk membuat nilaian yang betul dan saksama ke atas 3/22 syer plaintif itu dan kos bagi perlantikan itu hendaklah ditanggung oleh kedua-dua pihak mengikut jumlah syer yang dipegang oleh mereka dalam perkongsian itu. Kedua-dua pihak diberi kebebasan untuk memohon dan kos diberikan kepada defendan.

RAJAN S/O NAGAMUTHU

lwn

KERAJAAN MALAYSIA

MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO FAIZA TAMBY CHIK H.
[GUAMAN SIVIL NO. 21(22) - 255 - 1987]
10 OGOS 1993

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: Gantung kerja - Buang kerja - Perintah-perintah Am 34, 35, 36 Perintah perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D) 1980.

Plaintif telah dilantik pada 15 Januari 1977 dan disahkan dalam jawatan pada 1 Februari 1978 oleh Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu.

Pada 12 September 1983, plaintif ditangkap oleh polis dan di tahan selama dua tahun. Pada 27 Mei 1985 defendan mengarah plaintif bertugas semula.

Plaintif telah dikenakan perintah sekatan di bawah seksyen 4A(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 selama satu tahun dari 9 November 1985 sehingga 8 November 1986.

Pada 12 September 1983 plaintif telah digantung kerja dibawah Perintah 34(2) Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab D 1980 dan dibuang kerja oleh Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu melalui surat-surat yang bertarikh 22 Mei 1986 dan 3 Julai 1986.

Yang menjadi isu ialah sama ada pembuangan kerja plaintif oleh defendan sah.

Diputuskan:

[1] Surat bertarikh 22 Mei 1986 - Pihak Berkuasa Tatatertib tidak boleh mengenakan hukuman 'gantung kerja' kerana tiada peruntukan sedemikian dalam Perintah Am 36.

[2] Surat bertarikh 3 Julai 1986 - Perintah tahanan dan perintah kediaman tersekat yang dikenakan ke atas plaintif adalah menurut tatacara Perintah 34 Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D) 1980 dimana plaintif hanya boleh dikenakan gantung kerja dan bukan buang kerja.

[Penghakiman kepada plaintif].